

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 4/2022 BIL. 14

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI
No.1
PENDIDIKAN



PENERAJU
KEBITARAAAN
PENDIDIKAN

SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan
tiga bulan sekali

Keluaran 4/2022 Bil. 14

April 2022

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Dr. Ghazali bin Din

Dr. Siti Zubaidah binti Mohd. Ariffin

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونورسیتی قندیديفن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO

Nurmaisara binti Ahmad
Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

**PENERAJU
KEBITARAAN
PENDIDIKAN**

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قنراجو كبيتاران قندييقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Selamat tahun baharu 2022. Harapan kita bagi seluruh warga UPSI daripada segenap lapisan sama ada kakitangan mahupun pelajar, UPSI akan menempa lebih banyak kejayaan pada tahun

ini di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa berbanding tahun sebelumnya.

Selamat Hari Raya Aidilfitri juga saya ucapkan kepada semua yang beragama Islam dan yang menyambutnya. Pasti ia merupakan sambutan yang lebih meriah berbanding dua tahun sebelumnya kerana masing-masing hanya menyambutnya secara bersendirian di rumah. Ini ekoran daripada pengumuman kerajaan yang telah mengubah status Covid-19 daripada pandemik kepada endemik. Dalam menyambutnya dengan suasana yang meriah dimohon agar semua warga UPSI tetap mengekalkan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan agar wabak yang telah melanda dua tahun ini dapat dihindari oleh semua. Pada masa yang sama jangan dilupa golongan yang kurang bernasib baik

kita bantu serba sedikit untuk meringankan beban mereka agar dapat mereka menyambut hari lebaran ini dalam keadaan gembira seperti orang lain yang

berkemampuan. Maaf Zahir dan batin ikhlas daripada saya.

Pada 16 Februari yang lalu, amanat Naib Canselor telah berlangsung di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. Terdapat lima rangka tindakan strategik 2022 yang ditekankan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff dalam menerajui UPSI ke arah yang lebih baik meliputi Kecemerlangan Institusi, Pemerkasaan Pendidikan, Kelestarian Ekosistem, Kemampunan Penjana dan Keutuhan Modal Insan.

Oleh itu, sebagai warga UPSI yang ingin melihat UPSI terbang lebih tinggi perlu menyahut cabaran terhadap amanat yang telah disampaikan. Saya percaya setiap kakitangan dan pelajar mampu untuk menyumbang dan membantu menaikkan nama UPSI mengikut kepakaran dan kemahiran masing-masing.

Akhir kata, selamat membaca keluaran terbaru majalah Inspirasi yang menampilkan beberapa nama besar di UPSI untuk dijadikan rujukan dan motivasi kepada semua.

Sekian.



PROFESOR MADYA DR. MOHD IZWAN SHAHRIL



#Demi UPSI

Tanpa sedar, begitu cepat masa berlalu. Kini kita sudah melangkah ke tahun baharu 2022. Ini bermakna semakin banyak amanah dan harapan KPM dan UPSI yang perlu dilaksanakan dalam memartabatkan dunia pendidikan dan perguruan selaras dengan UPSI No. 1 Pendidikan.

Saya baharu sahaja menyampaikan amanat pada 16 Februari yang lalu. Saya mohon semua warga UPSI menghayati bait-bait intipati kandungan amanat tersebut dan sama-sama kita menjayakan hasrat tersebut. Kandungan amanat saya adalah selari dengan Rancangan Malaysia ke-12, Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi, Amanat YAB Menteri Besar Perak, Aspirasi LPU UPSI dan Pelan Strategik UPSI

2021-2025. Sekaligus ia menyasarkan agar UPSI berada dalam kedudukan 100 teratas dalam bidang pendidikan menjelang tahun 2023 dalam *The World University Rankings*. Bagi mencapai hasrat tersebut lima kerangka tindakan strategik telah digariskan yang mengandungi Kecemerlangan Institusi, Pemerkasaan Pendidikan, Kelestarian Ekosistem, Kemampaman Penjanaaan dan Keutuhan Modal Insan.

Sebuah fakulti baharu juga dicadangkan untuk ditubuhkan iaitu Fakulti Komputeran dan Teknologi Digital. Para pensyarah dan penyelidik digesa untuk menjalinkan hubungan dua hala dalam meneroka ilmu baharu berkaitan pendigitalan yang semakin diterima dan diamalkan oleh majoriti masyarakat kini. Kerjasama dengan syarikat gergasi seperti Google adalah dialu-alukan untuk ke arah pendigitalan pendidikan.

UPSI juga akan menerima khabar gembira iaitu Neoteric Initiative Education Centre (NICE) bakal beroperasi dan tarikh jangkaan ialah pada 1 Disember 2022. Di samping itu, pembangunan fizikal dan infrastruktur lain tidak diketepikan dengan

jangkaan beberapa lagi kemudahan bangunan baharu akan dibina seperti UPSI Residential & Community Centre (URCC), Pusat Kesihatan UPSI, Kampus FTV cawangan Teluk Intan, naik taraf bangunan Pusat Kokurikulum, kampus dalam taman dan lain-lain lagi. Dengan usaha UPSI untuk membangunkan infrastruktur yang bertujuan memberikan kemudahan kepada kakitangan dan pelajar, adalah tidak adil sekiranya kakitangan dan pelajar sering memberikan alasan untuk tidak menjayakan aspirasi UPSI untuk menjadi antara universiti terbaik dalam pendidikan di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, serahkanlah jiwa dan raga kita untuk terus berbakti dengan sebaik yang mungkin bagi merealisasikan hasrat menggunung universiti. Sama-sama kita menyumbang dan menjadi sebahagian daripada insan yang akan dikenang dan disebut-sebut atas kejayaan hebat lampau oleh generasi anak cucu dan generasi peneraju UPSI pada masa akan datang. Ayuh sahutlah seruan ini untuk sama-sama menyumbang, DEMI UPSI.

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Akademia

Dr. Shahrul Affendy telah membuktikan apapun latar belakang keluarga kita, jika kita mempunyai keazaman yang tinggi untuk merubah kehidupan, pasti akan ada ganjarannya nanti.

10



Eksplorasi Mualim

Satu lagi lokasi jalan-jalan cari makan yang menarik dan mampu memberikan kepuasan kepada pengunjung yang merasai kelazatan hidangan makanan yang tersedia di Rumah Makan Sri Muallim.

16



Warisan Ibu Kandung

Keluaran kali ini telah memfokuskan Muzium Pendidikan Nasional. Satu lokasi menarik dan wajib di lawati sekiranya menjejaki bumi Muallim dan UPSI.

20



Inspirasi Orang Lama

Dahulunya dikenali sebagai 'orang kuat' di sebalik penubuhan UPSI, kini beliau gigih memperkasakan kedai runcit sebagai Hub Halal dengan mengangkat produk-produk keluaran Muslim.

24



Inspirasi Alumni

Tragedi bersama seorang *public figure* yang menjadi tular suatu ketika dahulu sehingga mengalihkan pandangan Malaysia kepadanya benar-benar menguji keikhlasan diri sebagai seorang pemimpin. Faiz, bangkit membuktikan erti kebenaran.

28



Lain-lain

34

Sedar bahawa perniagaan bukanlah satu bidang yang mudah untuk dibina. Saiful, bulatkan tekad untuk berjaya.

38

Pemuda yang sangat berani menceburi bidang sukan yang dikuasai oleh golongan elit dan berpendapatan tinggi seumpama melawan arus minat anak-anak muda pada waktu itu.

43

Selain bertugas sebagai jurugambar beliau juga kreatif dalam penulisan puisi. Pernah menyumbang puisi dalam beberapa buku antaranya Antalogi Cerpen dan Puisi hasil terbitan Penerbit UPSI.



“Anak Peneroka yang mengukir nama dalam bidang pendidikan”

- Dr. Shahrul ingin jadi pakar rujuk dalam bidang perakaunan



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_lm@upsi.edu.my

LATAR BELAKANG

Saya merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik. Saya berpindah ke Felda Sungai Tengi pada usia lima tahun kerana ayah telah diterima sebagai peneroka. Pada ketika itu, suasana dan kemudahan di kawasan rancangan felda adalah sederhana kerana tiada kemudahan elektrik dan bekalan air bersih juga kerap terganggu. Namun dengan kekurangan itu, keluarga saya melaluinya dengan penuh syukur kerana terdapat kemudahan persekolahan tadika. Sebaik sahaja tamat tadika, saya bersetuju untuk tinggal bersama ayah saudara yang merupakan seorang guru di Felda Sungai Buaya demi mendapatkan pendidikan yang lebih baik. Bermulalah kehidupan saya berjauhan dari keluarga kerana mahukan pencapaian akademik yang lebih terjaga. Memang lucu jika dikenangkan. Tiap-tiap hari menangis sebab emak dan ayah jauh dari saya. Apabila emak dan ayah datang melawat, mereka terpaksa pulang jam empat pagi sewaktu saya masih tidur kerana tidak mahu saya ikut pulang ke Sungai Tengi.

PENDIDIKAN DAN KERJAYA

Saya memulakan alam persekolahan di Tadika Felda Sungai Tengi. Masih saya ingat lagi kenangan bersama dengan Cikgu

Azizah yang rumahnya hanya selang dua buah rumah dari rumah saya. Kemudian saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Buaya, Rawang dari darjah satu hingga enam. Berbekalkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah Agama (peperiksaan untuk darjah 6 di sekolah rendah agama seliaan Jabatan Agama Islam Selangor), saya telah diterima masuk ke tingkatan satu di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu. Selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, saya melangkah masuk ke tingkatan empat di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang. Kemudian diterima belajar di Kolej Matrikulasi Universiti Utara Malaysia, Kedah pada tahun 1995. Dengan keputusan Sijil Matrikulasi UUM, saya diterima masuk ke Sekolah Perakaunan UUM. Alhamdulillah, pada tahun 2000 saya berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian). Masih saya ingat ketika saya menyatakan idea untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana, ibu bapa saya terus menyatakan sokongan dan seorang pensyarah perakaunan pengurusan UUM, Encik Mohd Yusoff Ibrahim telah memberikan sokongan agar saya mengambil Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). Justeru saya memilih kos tersebut agar dapat perspektif baharu kaedah sesebuah perniagaan

dikemudikan dan memang selari dengan hasrat saya untuk menjadi pakar dalam bidang perakaunan pengurusan (walaupun bidang perakaunan pengurusan ini agak sukar untuk dipelajari). Alhamdulillah, rezeki saya begitu baik kerana ketika itu UUM ada menyediakan Skim Pembantu Siswazah kepada pelajar yang layak. Saya merupakan orang pertama yang diterima untuk skim tersebut dengan diberikan tugas untuk menjadi tutor di Sekolah Perakaunan UUM. Untuk tugas tersebut, saya diberikan elaun bulanan dan yuran pengajian dibiayai oleh UUM selama satu tahun. Pada tahun 2001 lengkaplah pengajian saya dan tanpa disedari saya telah menghabiskan enam tahun bermastautin di UUM untuk pengajian peringkat matrikulasi hingga sarjana.

Sebaik tamat peringkat sarjana, saya memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Kolej Yayasan Melaka pada tahun Jun 2001. Pada tahun 2003 pula saya ditawarkan peluang berkhidmat sebagai pensyarah perakaunan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Segamat. Kemudian pada bulan Februari 2006 permohonan saya untuk berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah diluluskan. Pada tahun 2011 saya telah diberikan peluang untuk menyambung pengajian peringkat PhD dalam bidang perakaunan pengurusan

di Universiti Kebangsaan Malaysia. Alhamdulillah pada tahun 2015 saya telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Perakaunan) dan sehingga kini masih lagi setia berkhidmat untuk UPSI.

PENGALAMAN DALAM PENTADBIRAN

Selepas pulang daripada cuti belajar di UKM, saya telah dipelawa untuk menyumbang tenaga sebagai penyelarass di Pusat Pembangunan Keusahawanan (PPK) UPSI bermula 16 Disember 2015. Saya diberikan amanah untuk menyusun program pembangunan keusahawanan untuk pelajar UPSI. Ketika ini cabaran yang paling sukar untuk diuruskan adalah meyakinkan pelajar dan warga UPSI bahawa ilmu keusahawanan ini penting sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan walaupun majoriti pelajar UPSI akan menjadi guru. Pada Mei 2017, Pusat Pembangunan Keusahawanan telah digabungkan dengan Pusat Kebolehpasaran Graduan dan dikenali sebagai Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) UPSI. Pada 16 Oktober 2017, saya diamanahkan untuk menjadi Timbalan Pengarah EDGE UPSI. Ketika itu cabaran utama adalah membuat penjajaran semula fungsi EDGE agar petunjuk prestasi

yang diberikan dapat dicapai. 1 April 2020 pula amanah semakin besar kerana dilantik sebagai Pengarah EDGE UPSI. Cabaran kali ini lagi besar kerana semua program perlu dilaksanakan walaupun dalam suasana pandemik Covid-19. Program secara fizikal terpaksa ditukar kepada *mode* atas talian. Pelajar tiada di kampus dan libat urus bersama pelajar kurang mendapat sambutan tatkala pelajar terpaksa menumpukan kuliah atas talian. Para peserta program juga menyatakan mereka lebih seronok sekiranya program EDGE dilaksanakan secara bersemuka.

TRANSFORMASI YANG BAKAL DIBAWA UNTUK MEMPERKASA DAN MEMPERKENALKAN EDGE UPSI

Perkara utama yang akan diperkenalkan bermula tahun 2022 ialah pemetaan program yang dilaksanakan oleh PTJ dalam UPSI berkaitan kebolehpasaran graduan dan keusahawanan. Satu model diperkenalkan iaitu Starting-Polishing-Finishing (SPF) School yang lebih berfokus mengikut keberadaan semester pelajar. Untuk menyokong pelaksanaan, terima kasih diucapkan pihak Pusat RMIC Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI yang telah meluluskan dana kepada enam kumpulan penyelidik untuk membangunkan modul SPF ini.

Daripada aspek pembangunan keusahawanan, EDGE menggunakan pendekatan 3E iaitu, *enculture* (pembudayaan), *equip* (kelengkapan) dan *empower* (pemberdayaan) Model UPSIpreneur diperkasakan dengan pengemaskinian data secara berkala dan pelaksanaan program pembangunan usahawan berfokus kepada bidang tujahan fakulti seperti UPSIpreneur@TVET, UPSIpreneur@Edugame Creator, UPSIpreneur@Learning Hub, UPSIpreneur@Design Thinking dan UPSIpreneur@Music. Bagi menyemarakkan perbincangan dalam kalangan UPSIpreneur, sebuah bilik di bangunan Bitarasiswa telah diubah suai untuk dijadikan UPSIpreneur Lounge.

PENGALAMAN PALING MANIS SEPANJANG HIDUP

Ketika mula-mula memegang jawatan di EDGE, saya diberikan amanah untuk membimbing pelajar UPSI mula berniaga dan mengembangkan perniagaan mereka. Ianya satu pengalaman yang mengujakan kerana saya memang minat berniaga sejak dari sekolah rendah lagi. Bermula dari darjah empat, saya sudah mula berniaga sagun dan kad selamat hari raya. Bermula pada tahun 2016, ramai pelajar UPSI yang telah

berjaya dalam perniagaan termasuk juga pelajar yang terlibat dengan koperasi. Dengan portfolio bimbingan yang saya berikan kepada UPSIpreneur, saya dipilih mewakili UPSI ke Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018 dalam kategori Outstanding Entrepreneurship Mentor Award. Amat mengejutkan kerana saya terpilih untuk pembentangan akhir kerana calon-calon yang bertanding mewakili universiti awam dan universiti swasta yang lebih terkenal dengan aktiviti keusahawanan. Tarikh 1 Disember 2018 menjadi kenangan kepada saya kerana diumumkan sebagai First Runner Up bagi kategori tersebut dengan hadiah RM5000 dan menjadi sejarah kepada UPSI kerana kali pertama calonnya tersenarai sebagai pemenang sejak anugerah MEA ini diperkenalkan pada tahun 2012.

KESUSAHAN HIDUP SEBAGAI ANAK PENEROKA PEMANGKIN UNTUK BERJAYA DALAM KEHIDUPAN

Saya merupakan anak Felda yang melalui zaman permulaan Felda Sungai Tengi dibuka. Tiada bekalan elektrik, waktu malam menggunakan lampu gasolin, tiada televisyen dan ketiadaan bekalan air yang sempurna antara contoh ranjau hidup yang dilalui, namun perkara ini

satu pengalaman yang mendewasakan agar saya menjadi lebih bersyukur. Terinspirasi dengan ruangan Profesor Serba Tau dalam majalah *Gila-Gila* yang dibeli oleh ayah, saya kerap menyatakan cita-cita saya untuk menjadi profesor dalam bidang perniagaan apabila ditanya tentang cita-cita. Apabila ditanya oleh guru alasannya, saya ingin membantu orang jadi pandai terutama sekali anak-anak Felda. Cita-cita ini semakin membara untuk dicapai kerana ibu bapa saya sentiasa memberikan dorongan dan berusaha menyediakan keperluan untuk pembelajaran walaupun saya tahu mereka terpaksa berusaha lebih keras kerana membesarkan empat orang anak. Ibu bapa sering menyatakan "Along kena jadi contoh kepada adik-adik. Jangan risau tentang duit dan keperluan sekolah, itu tanggungjawab abah dan emak. Pandailah kami usahakan".

Pencapaian dan anugerah tertinggi yang pernah dicapai termasuklah memenangi anugerah Inovasi peringkat kebangsaan dan sebagainya. Sebaik kembali bekerja daripada menghabiskan pengajian PhD, saya telah memasuki Pertandingan Cipta dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2015 (PECIPTA). Hasil daripada penyelidikan saya di peringkat telah

ditambah baik dan telah dipatenkan. Alhamdulillah 'Contemporary Performance Measurement System Model for Higher Education Institutions (CONPMS): Tool for Control and Implementing Strategy' telah dianugerahkan pingat gangsa. Selain itu, kemenangan sebagai First Runner Up bagi kategori Outstanding Entrepreneurship Mentor Award dalam Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018 juga merupakan pencapaian terbaik bagi saya dan UPSI.


PANDUAN BUAT PEMBACA

Ada dua perkara yang selalu saya kongsi dengan rakan-rakan. Pertama, sentiasa perbaiki *attitude* kita kerana secara langsung ia akan mempengaruhi masa depan kita... Kedua, saya percaya konsep 4P dalam mengurus individu dan organisasi. Tujuan (*purpose*) dalam melaksanakan sesuatu perkara kena jelas, tatacara dan kaedah (*process*) perlu dirancang awal dan tersusun, bina jaringan dan pasukan tenaga kerja (*people*) yang berkualiti dan kenal pasti tempat (*place*) yang sesuai untuk mencapai impian.

HARAPAN PADA MASA AKAN DATANG BERKAITAN KERJAYA DAN ORGANISASI

SITC, IPSI, MPSI dan UPSI telah menjangkau usia 100 tahun pada tahun 2022.





Graduan UPSI bertebaran berkhidmat di serata Malaysia bahkan berada di seluruh dunia. EDGE UPSI pula ditubuhkan pada tahun 2016 dan bertanggungjawab merencana aktiviti keusahawanan dan kebolehpasaran graduan berimpak tinggi. Maka harapan saya keterlihatan (*visibility*) EDGE dapat diiktiraf di peringkat kebangsaan. Gerakan ini telah bermula kerana EDGE telah dipilih sebagai ahli Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Perak bermula tahun 2021. Seterusnya saya berharap alumni UPSI dapat menyumbang idea dan terlibat dengan usaha memantapkan kebolehpasaran graduan terutama mereka berada di industri.

Dari segi kerjaya pula, besar harapan saya untuk menjadi pakar integrasi bidang perakaunan pengurusan dan keusahawanan di peringkat pembangunan usahawan peringkat universiti.

Memecah kebuntuan usahawan mempraktik teori kepada realiti penyelesaian masalah memerlukan satu pendekatan yang mudah difahami dan inilah peranan yang saya perlu ambil. Sudah tentu, impian saya sebagai seorang akademik untuk menjadi pakar rujuk bidang perakaunan pengurusan dan keusahawanan. Ayuh... Insya-Allah akan lahir Prof. Dr. Shahrul Effendy Janudin di bumi Muallim.

Rumah Makan Sri Muallim

- Suasana makan di desa gamit pengunjung dan mengembalikan memori zaman kanak-kanak



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

Suasana seperti makan di rumah kampung yang mendamaikan. Para pengunjung pasti merasai perasan ini terutamanya bagi mereka yang merindui kampung halaman. Sebaik sahaja memasuki

kawasan Rumah Makan Sri Muallim ini, para pengunjung pasti akan dibawa mengimbau semula memori sewaktu kecil dan tinggal di kampung halaman bersama ibu bapa masing-masing. Lokasi kedai makan ini sangat strategik di mana ia terletak di simpang empat

jalan utama persekutuan Ipoh-Kuala Lumpur. Bertentangan dengan kedai ini pula merupakan satu lagi kedai yang juga sangat popular dalam kalangan penggemar pau iaitu Pau Yik Mun.

Di sebelahnya pula baru sahaja dibuka kedai makanan segera McDonald's, manakala tidak lama lagi satu lagi kedai kopi popular Starbuck pula akan dibuka di bahagian belakang kedai makan ini. Jarak kedai dari UPSI Kampus Sultan Abdul Jalil juga sangat dekat iaitu sekitar dua kilometer sahaja. Oleh itu, adalah tidak sukar untuk mengunjungi kedai ini dengan *landmark* sekelilingnya yang mudah dicari.

Kedai makan ini dibuka dan idea hadir oleh pemiliknya yang bernama Puan Rozana yang dahulunya merupakan bekas kakitangan PLKN. Beliau yang berasal dari





AKAN

IP0468835-D



MAKAN MULLIM



Tapah kemudiannya nekad untuk berhenti kerja tetap dengan membuka kedai makan yang diusahakan dengan bantuan hampir keseluruhan pembantunya dari kalangan ahli keluarganya sendiri. Tarikan utama dan konsep yang cuba dibawa oleh pemilik adalah membawa pengunjung untuk merasai keenakan makanan dan sajian dalam suasana persekitaran seperti rumah mereka di kampung. Rumah kayu dua tingkat ini menempatkan beberapa ruang makan sambil bersila di hadapan televisyen, ruang tamu mahupun beberapa ruang yang lain.

Selain ruang tersebut pemilik kedai ini juga menyediakan ruang makan terbuka yang luas dan selesa di bahagian luar rumah dan berdekatan dengan menu yang disediakan secara bufet. Pemilik memaklumkan kebanyakan pelanggan yang datang menyukai serta gemar dengan menu daging salai ala *nogori* dan ayam goreng. Menu yang dihasilkan kebanyakan adalah menu ala kampung hasil warisan turun-temurun gabungan dari negeri Sembilan dan juga negeri Perak. Kelainan yang ditampilkan oleh kedai makan ini mampu menarik minat pengunjung dari Kuala Lumpur terutamanya pada hujung minggu. Penulis sendiri mengakui hal ini kerana terdapat

kawan penulis yang sudah beberapa kali datang dari sekitar Kuala Lumpur untuk makan di sini dan sering mengambil kesempatan untuk singgah setiap kali mempunyai tugas di negeri-negeri sebelah utara. Harga yang ditawarkan juga adalah sangat berpatutan dan lokasi kali ini merupakan antara lokasi pilihan oleh agensi-agensi dan badan-badan korporat seperti syarikat Proton dan UPSI yang membawa tetamu mereka untuk menikmati hidangan tengah hari. Kedai makan ini beroperasi bermula dari pukul 11.00 pagi hingga habis makanan iaitu sekitar jam 4.00 petang.

Pembukaan kedai makan ini secara tidak langsung mampu menaikkan nama daerah Muallim dan secara tidak langsung menjadi daya tarikan untuk pengunjung luar datang memeriahkan daerah Muallim dan merancakkan projek-projek pembangunan yang dulunya sunyi dan pembangunan fizikalnya yang sangat perlahan. Akhirnya ia mampu merancakkan kegiatan ekonomi di daerah Muallim ini.

Muzium Pendidikan Nasional daya tarikan pengunjung luar ke UPSI

Bangunan Muzium Pendidikan Nasional dahulunya dikenali sebagai Bangunan Suluh Budiman. Bangunan ini mula dibina pada bulan Ogos 1919 dan telah siap sepenuhnya pada Jun 1922. Reka bentuk bangunan ini adalah berunsurkan seni bina belanda ala gothic zaman pertengahan dan dikatakan reka bentuk binaan bangunan ini ada persamaan dengan gereja Notre-Dame di Peranchis dan Salisbury di England. Pelan bangunan ini telah dilakar oleh seorang arkitek terkenal dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu bernama Kesteven. Tukang-tukang yang membinanya dibawa daripada Tanah Jawa dan juga buruh mahir berbangsa Cina. Bangunan setinggi dua tingkat ini mempunyai dua baris bangunan iaitu bangunan hadapan dan bangunan belakang yang terdiri dari dua belah sayap (kanan dan kiri) dalam bentuk huruf "H". Kepingan kaca bercorak memberikan pencahayaan semula jadi yang jelas pada waktu siang. Bangunan ini secara keseluruhannya dibina dengan menggunakan kaedah pembinaan dinding bata galas beban. Lantai menggunakan kayu dan simen. Bumbung asal

adalah menggunakan genting cina tetapi telah ditukar kepada bumbung atap genting simen. Salah satu keunikan bangunan Suluh Budiman ini ialah bentuk lepa pada dinding yang berkerutu. Lepaan jenis ini ditemui di keseluruhan lepaan dinding luaran bangunan Suluh Budiman. Lepaan berkerutu ini adalah dari jenis permukaan kasar yang berketul-ketul. Dinding berkerutu ini dibina pada purata saiz 20 mm sehingga 30 mm berbentuk bulat dan bertindan atau bergumpal.

Bangunan Suluh Budiman mempunyai warisan seni bina yang tersendiri. Bagi golongan pendidik yang pernah menuntut ilmu di sini, bangunan ini mempunyai satu maksud yang amat mendalam dan meninggalkan nostalgia tersendiri berhubung kewujudan dan fungsi bangunan ini. Binaan dimulakan dengan binaan gerbang hadapan, megah melambangkan status bangunan sebagai pusat pendidikan. Pada pintu masuk utamanya terletak di sebelah hadapan bangunan juga berkonsepkan pintu gerbang yang besar dan dihubungkan dengan koridor pejalan kaki ke ruang bilik bangunan yang

lainnya. Manakala binaan dalaman sebuah panel gerbang tingkap yang besar dan tinggi di sebelah hadapan dan belakang dewan diwujudkan bagi memberikan pencahayaan semula jadi yang jelas pada waktu siang menggunakan kepingan kaca bercorak.

Idea penubuhan Muzium Seri Budiman di UPSI telah diilhamkan sejak Dato' Zainal Abidin bin Ali menjadi Pengetua SITC pada awal tahun 1950-an lagi. Impian tersebut kemudiannya telah menjadi kenyataan apabila ruang legar di tingkat atas Bangunan Suluh Budiman telah dipilih dan dijadikan sebuah muzium kecil pada tahun 1955. Antara artifak yang telah dijadikan koleksi bahan pameran muzium pada ketika itu termasuklah beberapa hasil kerja anyaman rotan, peralatan permainan tradisional, sepucuk meriam dan gading gajah. Kemudian sempena sambutan Perayaan Jubli Emas MPSI pada 21 hingga 23 Julai 1976, muzium ini kemudiannya telah menerima nafas baru apabila satu pameran sejarah MPSI telah diadakan. Pelbagai bahan pameran yang mempunyai nilai sejarah kepada MPSI telah dikumpul dan dipamerkan dalam



Bangunan Suluh Budiman yang kini menjadi Muzium Pendidikan Nasional

sebuah bilik di Bangunan Suluh Budiman.

Sewaktu Majlis Penyampaian Sijil MPSI pada 19 Ogos 1976, Profesor Datuk Dr. Awang Had Salleh selaku Yang Dipertua Persatuan Suluh Budiman iaitu Persatuan Murid-murid Tua MPSI telah menyarankan agar ditubuhkan sebuah Muzium Pendidikan di MPSI. Saranan beliau telah mendapat persetujuan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada Ketika itu iaitu Dr. Mahathir Mohamad. Empat tahun kemudiannya sempena sambutan Hari Guru pada 16 Mei 1980, satu pameran pendidikan secara besar-besaran telah diadakan di Muzium Negara, Kuala Lumpur. Sewaktu

upacara perasmianya, YAB Dato' Musa Hitam telah mengumumkan penubuhan sebuah Muzium Pendidikan Nasional bertempat di MPSI dan selaras dengan pengumuman tersebut, Bangunan Suluh Budiman sekali lagi telah dipilih sebagai lokasi yang paling sesuai berdasarkan latar belakang sejarahnya. Hasilnya tiga buah bilik di bangunan berkenaan telah diubah suai dan dijadikan tempat untuk mempamerkan bahan-bahan yang telah dipamerkan di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Antara koleksi yang dikumpul dan dipamerkan pada ketika itu ialah mesin taip lama, mesin pendua,

almari buku, gambar-gambar dan senarai nama pengetua serta timbalannya, buku-buku lama, rekod pelajar dan lain-lain lagi. Ia termasuklah nama serta gambar tokoh-tokoh anak kandung yang telah berjaya sebagai penulis, guru dan ahli politik. Apabila UPSI ditubuhkan pada 1 Mei 1997, muzium ini kemudiannya telah dipindahkan ke bangunan Rumah Pengetua dan dikenali dengan nama Muzium UPSI.

Pada tahun 2009, Pengurusan atasan UPSI telah memutuskan untuk menjadikan Bangunan Suluh Budiman sebagai Muzium Pendidikan Nasional. Pada 14 Februari 2009, Bangunan Suluh Budiman ini telah digazetkan di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan. Pada 24 Ogos 2009 kerja-kerja konservasi bangunan, pengisian ruang pameran dan pengisian infrastruktur yang menepati kehendak permuziuman telah dilaksanakan. Muzium ini telah siap sepenuhnya pada bulan Mac 2011 dan upacara perasmian telah diadakan pada 19 Julai 2011 yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun. Muzium ini mengandungi satu ruang pameran bertema dan 20 ruang pameran kekal.





Muzium Pendidikan Nasional merupakan satu-satunya Muzium Pendidikan di Malaysia. Muzium ini dibuka dari hari Isnin hingga hari Ahad dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Muzium Pendidikan Nasional memberikan maklumat berkaitan kajian sejarah kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar PT3 dan tingkatan lima serta maklumat berkaitan penyelidikan sejarah pendidikan kepada para penyelidik.

Selain dari melawat Muzium Pendidikan Nasional, pelawat juga boleh mengunjungi Galeri Seni yang mempamerkan lukisan-lukisan pelukis solo dan hasil karya pelajar-pelajar UPSI. Pelawat juga berpeluang untuk melawat ke Rumah Za'ba. Za'ba merupakan tokoh pendidikan yang mencetuskan semangat nasionalisme melalui penulisan dan usaha beliau menterjemahkan buku-buku di Pejabat Karang Mengarang pada tahun 1930-an. Jasa beliau yang besar ini diiktiraf apabila beliau menerima gelaran "Pendeta" secara rasmi pada tahun 1956 ketika berlangsungnya Kongres Persuratan Melayu Ketiga di Johor Bahru.





“Memperkasakan Kedai Runcit Sebagai Hub Halal” ... Encik BURN



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Bertubuh kecil berjiwa besar. Itulah insan hebat Haji Abu Bakar bin Ismail atau lebih glamor dipanggil Encik Burn. Walaupun telah bersara pada bulan November 2018, khidmat bakti beliau masih lagi diperlukan. Tidak hairanlah kelibat beliau sentiasa ‘ada’ di UPSI bertuah ini.

“Walaupun dilahirkan di Melaka, saya membesar dan memulakan pelajaran peringkat rendah sehingga tamat tingkatan enam di Kuala Kubu Baharu. Pekan Tanjong Malim juga menjadi tempat ‘bermain’ saya. Bapa merupakan seorang anggota polis dan ibu seorang suri rumah”.

“Saya dikurniakan seramai tujuh orang anak yang mana lima daripadanya perempuan dan dua orang anak lelaki. Tiga daripada mereka

telah berkahwin dan saya mempunyai empat orang cucu. Alhamdulillah, kesemua anak telah mempunyai hala tuju masing-masing. Salah seorang anak lelaki saya merupakan jururawat lelaki kelulusan Kolej Politech Mara, Kelantan manakala anak bongsu merupakan pelajar Maahad Tahfiz di Kuala Pilah yang kini menyambung pengajian di USAS,” jelasnya.

PERJALANAN KERJAYA

Menyingkap kembali perjalanan kerjaya suami kepada Puan Halijah binti Johari ini, beliau memulakan kerjaya dalam bidang kewangan pada tahun 1981 dengan menerima tawaran daripada Jabatan Akauntan Negara Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya mengembangkan kerjaya di Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Seterusnya, saya mendapat tawaran di Maktab Perguruan Sultan

Idris (MPSI) dan di antara kakitangan terawal berkhidmat. Seterusnya nama MPSI telah diubah Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI). Seheinggalah pada tahun 1997, IPSI telah dinaik taraf sebagai sebuah universiti menjadi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

ISU DAN KONTROVERSI

Sepanjang lebih kurang tiga tahun proses pertukaran IPSI kepada UPSI sepenuhnya memaksa beliau bekerja di dua institusi berbeza berikutan perbezaan pengurusan di antara IPSI dan UPSI.

“Semasa proses pertukaran IPSI kepada UPSI, telah timbul kontroversi berkenaan kakitangan tidak diserap perkhidmatannya ke UPSI. Saya juga di antara mereka yang memperjuangkan IPSI. Semasa seminar di Bukit Fraser, pensyarah IPSI memperjuangkan hak untuk menjadi pensyarah tetap, namun kebanyakan mereka tidak diserap sebagai pensyarah tetap UPSI, namun sesetengah daripada mereka masih berkhidmat di UPSI sebagai kakitangan kontrak”, jelasnya lagi.

**ORANG KUAT DI SEBALIK
PENUBUHAN UPSI**

“UPSI bermula di sebuah bilik kecil yang menjadi nadi pembangunannya di bangunan IPSI. Bilik kecil tetapi sangat bermakna. Pada asalnya bangunan tersebut merupakan asrama pelajar. Tiada peruntukan, namun kami terpaksa berusaha untuk meneruskan operasi UPSI”.

Menyoroti secara ringkas liku perjuangan dan pencapaian hebat insan bertuah ini apabila diamanahkan untuk menguruskan pembangunan UPSI seperti projek-projek bangunan UPSI, sedangkan dalam masa yang sama beliau masih lagi menggalas jawatan di IPSI. Berganding bahu bersama-sama Naib Canselor UPSI yang pertama ketika itu, Datuk Dr. Ashari Che Mat, Profesor Dato’ Dr. Abu Bakar Nordin selaku Timbalan Naib Canselor Akademik, Encik Yusof Semahil sebagai Bendahari,

Encik Sayuti Sahlan sebagai Pendaftar di samping lima orang kakitangan pentadbiran dan 29 orang tenaga akademik yang kebanyakannya dipinjam daripada pelbagai agensi Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha menaikkan nama UPSI.

“Bangunan Canselori merupakan salah satu mercu tanda yang menjadi kebanggaan beliau di sebalik terbinanya bangunan ini. Saya telah terlibat secara langsung sebagai orang di belakang tabir di awal penubuhan UPSI termasuklah pendaftaran UPSI ke agensi terlibat seperti KWSP dan PERKESO. Saya banyak terlibat dengan urusan pensyarah termasuk menguruskan perjalanan mereka untuk ke luar negara dan pembayaran gaji. *On time payment!* Prinsip saya adalah berusaha untuk memudahkan urusan orang lain. Rasa puas hati dapat membantu tidak kira pensyarah atau staf bawahan. Masa tu rasanya seolah-olah sebagai seorang penyelia”, katanya sambil ketawa.

Pengalaman luas dalam bidang kewangan di beberapa agensi kerajaan telah diaplikasikan ketika berkhidmat di UPSI. Budaya kerja yang berdisiplin dikekalkan sehingga pencen menjadikan beliau dihormati dan disegani. Kepakaran beliau diiktiraf apabila terlibat dalam sistem kewangan UPSI yang menjadi pelopor

dan diguna pakai oleh universiti awam lain seperti UMS, UNIMAS, UIA dan USIM.

“UPSI ini unik. Ia sebuah agensi yang kecil tetapi ibarat satu keluarga yang mempunyai semangat yang kuat. Kita boleh menjadi kebanggaan kepada universiti lain. Staf masa itu tidaklah ramai, Suhaila, Nazeema (sekadar menyebut beberapa nama) menjadikan kami agak rapat. Hubungan baik yang terbina kekal sehingga sekarang. Saya masih membantu sekiranya diperlukan”.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UPSI, banyak sumbangan yang telah dicurahkan. Beliau menjadi tempat rujuk berkenaan kewangan kepada semua golongan kakitangan termasuk pensyarah. “Saya banyak *control* dari segi sumber kewangan universiti. Hubungan rapat dengan pihak bank memberi peluang universiti menjana kewangan dengan mendapatkan keuntungan dengan seminar atau bengkel yang diadakan tidak kira di dalam atau di luar negara”.

**BERKONGSI PENGALAMAN
PAHIT MANIS**

“Saya bersyukur berpeluang mengerjakan umrah pada bulan Mei 2009. Kegembiraan berganda apabila saya mendapat panggilan Haji pada tahun

yang sama iaitu pada bulan November 2009. Saya beruntung kerana pergi pada musim sejuk yang mana waktu malam lebih lama berbanding waktu siang. jadi, saya dapat beribadah dengan lebih tenang dengan suasana sejuk”.

perkhidmatan merentasi tiga era ini, banyak pencapaian yang pernah dicapai. Sewaktu perkhidmatan di IPSI pada tahun 1997, beliau di antara kakitangan yang dianugerahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hadiah skim latihan iaitu cuti belajar ke Jepun beserta

puas kerana semua impian telah tercapai. Saya berjaya membuat sistem kewangan berkenaan penyesuaian bank dan mengemas kini modul untuk kegunaan kewangan universiti. Semuanya ditinggalkan dengan perasaan lega dan puas hati”, katanya lagi.

UBAH IMPRESI PRODUK HALAL KELUARAN MUSLIM

Penubuhan kedai runcit ini adalah hasil daripada cetusan idea isteri sebelum bersara sebagai seorang guru. Pada awalnya, beliau menentang kerana memikirkan risiko kedai halal yang berisiko untuk gulung tikar.

“Namun, isteri tetap bersemangat untuk meneruskannya apabila menyedari kurangnya kedai yang membekalkan produk halal Muslim di kawasan Tanjong Malim. Kami berpegang konsep mencari yang halal itu fardhu dan sekaligus dapat membantu industri kecil dan sederhana (IKS). Kita juga perlu sedar bahawa perniagaan adalah tanggungjawab sosial yang menjadi fardu kifayah dalam masyarakat Islam. Walaupun keuntungan tidaklah besar, tetapi kami puas dapat berkongsi hub halal dengan masyarakat setempat”.

“Kami tidak mendapat bantuan daripada mana-mana badan kewangan, hanya menggunakan dana simpanan sendiri



“Apabila difikirkan, saya tiada pengalaman pahit yang disimpan. Bagi saya, pahit itu kecewa. Saya berpegang kepada prinsip yang terjadi sememangnya takdir. Jadilah diri sendiri. Anggap semua yang rintangan sebagai cabaran dalam pekerjaan”. Sepanjang tempoh

elaun selama sebulan di bawah skim kakitangan kerajaan selepas melalui sesi temuduga yang sukar. Program tersebut adalah inspirasi Dasar Pandang ke Timur.

“Saya menamatkan perkhidmatan dengan rasa



sebagai modal perniagaan. Pemilihan Taiba AlHusna ini adalah inspirasi nama kedai di Kota Mekah dan 'lagu unta' taiban serta kebetulan nama anak kedua adalah Husna. Pada peringkat awal, sambutan agak kurang memberangsangkan kerana kurangnya kesedaran daripada orang-orang kita. Tapi kami bertekad 'buat sampai jadi'. Banyak perbezaan kedai bertaraf halal mart dengan kedai runcit biasa. Kami hanya menjual produk Muslim sahaja seperti produk-produk sejuk beku Ramly, produk FAMA dan kami juga menyokong produk-produk penduduk kawasan sekitar. Paling membanggakan, semua pembelian produk dibuat secara bayaran secara tunai". Kini, beliau mampu tersenyum kerana mempunyai pelanggan tetap di atas kesedaran betapa pentingnya membeli di kedai berkonsepkan halal mart.

Promosi secara berterusan oleh isteri di media sosial juga memainkan peranan dalam memperkenalkan kedai runcit bertaraf halal kepada penduduk sekitar khususnya. Siapa sangka pada suatu masa dahulu, beliau pernah mengusahakan biskut raya bersama isteri tercinta iaitu biskut tat nenas dan biskut makmur. Akibat kekangan masa, biskut tersebut hanya dijual kepada pelanggan tetap sahaja iaitu dalam kalangan staf UPSI. Permintaan yang menggalakkan dari pelanggan, namun masa sangat mencemburui untuk beliau meneruskan perusahaan tersebut.

HARAPAN DAN IMPIAN

Kini, masa lapang beliau banyak dihabiskan dengan untuk memenuhkan ilmu akhirat dengan mengaji serta menghadiri kuliah agama

di masjid di sekitar Tanjong Malim dan Hulu Selangor. Perusahaan kedai runcit telah diserahkan kepada anak dan menantu, sesekali beliau akan turun membantu sekiranya diperlukan.

"Saya bercadang untuk mengembangkan lagi perusahaan kedai runcit dengan membuka cawangan di tempat lain seperti di Melaka. Semoga dengan usaha ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam untuk terus menyokong dan membeli produk-produk Muslim. Saya juga berharap agar UPSI dapat bersaing dan terus menjadi pakar rujuk kepada universiti awam yang lain. Semoga UPSI makin berkembang maju seiring arus pendidikan sehingga peringkat global", katanya sebelum menutup perbualan.

Berpasakkan Semangat yang Utuh, Faiz Farhan Bangkit Mengejar Impian Diri



Oleh:

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan, dibesarkan dalam serba kekurangan telah menjadikan siapa dirinya sekarang. Mohamad Faiz Farhan bin Abdul Rahman,

anak ketiga daripada lima orang adik beradik. Ayah bekerja sebagai Warden di Jabatan Penjara, manakala ibu hanyalah seorang suri rumah. Keadaan ekonomi keluarga yang serba kekurangan, memaksa ayah untuk mencari kerja sampingan sebagai penoreh getah demi menampung dan menyara

keperluan keluarga. Berbekalkan motosikal merah KAW 8148, itulah menjadi penggerak kepada sumber rezeki keluarga. Pakaian kami seadanya. Tidak punya tanah berekar, jauh sekali harta menggunung yang boleh dibanggakan. Terkadang terasa seperti dipinggirkan



dan dibandingkan apabila berada dalam kalangan saudara yang lain. Keinginan mendapatkan barang-barang sebagai hadiah buat diri hanyalah angan-angan sahaja. Sedar, semua ini diluar kemampuan diri apabila melibatkan wang ringgit. Namun, sikap positif yang selalu disematkan oleh ibu sentiasa menjadi pedoman buat diri. Disiplin yang selalu ditunjukkan oleh ayah, sentiasa diperhati demi kemajuan diri.

Dibesarkan dalam keadaan dibandingkan telah menjadi 'makanan ruji' buat kami sekeluarga. Ibu adalah pejuang darah terhebat. Ibu menggenggam erat tangan kami di saat ayah sedang berjuang mencari rezeki. Getaran darah dalam badan ibu, terus menggoncang kuat tulang dan tubuh kami untuk terus berpijak pada niat yang satu. Niat mengubah nasib keluarga! Dengan berpasakkan semangat yang utuh dan matlamat yang jelas.

UJIAN BERAT BUAT KELUARGA

Ketika berusia empat tahun, Faiz telah diuji dengan penyakit yang membuatkan keluarganya menemui jalan buntu. Faiz yang sebelumnya ceria berlari, berjalan ke sana sini, namun tidak lagi mampu berbuat demikian apabila diuji terpaksa berjalan dengan menggunakan lutut. Keceriaan disentak!

Ubat hospital sudah tidak lagi mampu mengubati sakit yang ditanggungnya. Segala apa yang ada sudah habis tergadai untuknya. Ubat kampung juga sudah habis diikhtiar oleh keluarga. Terduduk memikirkan apakah selamanya dia akan berjalan menggunakan lutut.

Setiap penyakit itu, pasti ada penawarnya. Keyakinan dan doa kepada Allah SWT itu adalah segala-galanya. Berkat kesabaran, Faiz kembali sihat seperti kanak-kanak yang lain. Benarlah, rambut sama hitam, namun hati di dalam siapa yang tahu? Perbuatan manusia yang mensyirikkan Allah, telah menguji kekuatan dan kesabaran buat keluarganya.

JIWA BERKOBAR GENGAM KEJAYAAN

The 4F:FaizFarhanForFuture dan
#SayaFaizFarhan
#CiptakanImpian
#JadikanKenyataan
#SuburkandalamKenangan

Itulah azimat yang melambangkan dirinya.

"Siapa rajin berusaha, maka dia akan mendapat ganjaran setimpal dengan usahanya." Kata-kata ini selalu terngiang-terngiang di telinga saya. Ibu selalu berpesan, 'peluang untuk belajar hanya datang sekali sahaja, jangan sia-siakan'.

"Saya bukanlah orang yang lahir daripada

genetik yang mempunyai kelebihan (gifted). Namun, saya suka berusaha dan melaksanakan perkara yang disukai, memujuk hati dengan memberikan ganjaran buat diri sekiranya berjaya mencapai sesuatu". Untuk mengorak langkah kecemerlangan, kita perlu mengenali diri kita terlebih dahulu. Jangan 'ikut-ikut' kawan. Kawan dengan kita adalah individu yang berbeza. Setelah berjaya mengenali diri secara perlahan-lahan, maka bermula daripada itulah datangnya kejayaan secara sedikit demi sedikit dan berperingkat.

Mendapat pendidikan awal di Tadika Kemas dan Sekolah Kebangsaan Sungai Petani. Kemudian meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sungai Petani.

Pada usia 14 tahun, ketukan mimpi sedarkan saya dari lamunan panjang. Di situ bermula langkah kemajuan dalam bidang akademik. Rentak pembelajaran yang sesuai telah ditemui, menjadi laluan berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Seterusnya, telah ditawarkan untuk meneruskan pengajian di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Parit, Perak.

"Minat dalam dunia profesion keguruan telah mendesak saya untuk menceburi bidang pendidikan selepas

menamatkan pengajian tingkatan lima. Saya mula mengambil langkah yang proaktif dengan membina laluan kerjaya berfokus kepada kepakaran yang diminati. Saya memilih untuk terus berada dalam dunia Sains dan Matematik yang berfokus kepada pendidikan. Langkah pertama dimulakan dengan melanjutkan pengajian peringkat Diploma di UPSI dalam bidang Sains dan Matematik. Seterusnya, melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Pendidikan (Matematik) di universiti yang sama. Mempunyai azam dan impian yang tinggi untuk menjadi pakar Pendidikan Matematik.

Kisah silam waktu kecil yang memadamkan mimpi-mimpi indah dan jiwa yang berkobar telah membangkitkan rasa untuk menyalakannya semula. Ibu selalu berpesan, 'kalau orang buat tak baik dengan kita jangan balas dengan kejahatan, balas dengan kebaikan, di situlah kekuatan'. Terkadang diri ini tidak mampu menjadi sekuat ibu, tapi ibu adalah tiang seri keluarga bersama ayah sebagai naungan bumbung cinta kami sekeluarga.

TRAGEDI OKTOBER, SIAPA KAWAN SIAPA LAWAN

"Ya Allah, temukan aku dengan jodoh yang baik, sahabat-sahabat yang baik, orang-orang yang baik, yang dapat mendorong

aku kearah kebaikan, satu-satukanlah hati kami, lembutkan hati kami, suburkan kasih-sayang di antara kami, jauhkan kami dari sifat hasad dengki manusia dan temukan kami dengan orang-orang yang ikhlas".

"Tragedi 4 Oktober 2020 meletakkan diri ke tahap yang terendah! Saat diri ini teruji, jujur saya terdiam dan kelu. Semua mata memandang, jari dituding mencari salah diri. Mata-mata media terus memainkan 'peranan' mereka. Tragedi yang menjadi tular sehingga mengalihkan pandangan 'Malaysia' kepada susuk badan kecil ini. Sejak itu, baru saya memahami erti fitnah akhir zaman itu dan apa itu *cyber bullying*".

"Aku hilang diri!" Air mata adalah peneman setia. Air matalah yang paling memahami aku pada ketika itu. Wajahku sudah tidak kenal lagi erti senyum dan tawa. Perutku sudah tidak lagi mengerti apa itu lapar? Berjumpa dengan orang? Jawapannya, sudah tentu TAK NAK!

Semua orang tengok aku! Seolah-olah besar salah aku pada seluruh pelajar UPSI, sedangkan aku bergelut dengan nyawa berdepan menguruskan Covid-19 ini. Ya benar! Bukan aku seorang pemimpin pelajar yang berkorban, tapi aku ketua pelajar. Semua beban diletakkan ke atas bahuku.

Kalau ada yang salah sudah tentu, aku diseru. Aku buat semua ini, jujur untuk UPSI, kerana ALLAH! Setiap hari aku melangkah keluar bilik, tiada kata yang terungkap selain Bismillah.

"Ya Allah, di saat semua menyelamatkan diri untuk berada di dalam bilik, aku korbankan diri ini untuk mereka semua. Ya Allah, andai kata perjuangan ini menemui jalan syahid. Aku redha, tapi aku takut. Waktu ini kematian di mana-mana, semua orang takut. Virus Covid-19 bukan suatu mainan.

Hebat ujian kali ini, benar-benar menguji keikhlasan diri ini sebagai seorang pemimpin. Allahuakbar! Aku ditampar dengan kata-kata kesat, dihina dan diherdik. Seinggakan ada pihak yang menuntut untuk aku segera meletakkan jawatan. "YDP MPP UPSI SILA LETAK JAWATAN SEGERA!" Bergoncang tubuh saat membaca semua tuntutan ini. Terasa seolah-olah sudah tiada sesiapa di sisi.

Namun, benarlah janji Allah itu pasti. "Bersabarlah wahai hambaku, aku pasti membantumu". Gelombang "kamibersamafaizfarhan" telah tercetus. Bacaan Yasin dan solat hajat buat diriku telah digerakkan oleh sebahagian pihak. Aku terharu, gelombang ini telah bergerak ke semua media sosial. Tiada mampu melawan kuasa

Tuhan. Benar, Tuhan Maha Kaya! Situasi dan keadaan telah membuktikan kebenarannya. Kini, mereka yang mengherdik, menghina dan mengeji sudah diam bersembunyi.

Perselisihan YDP MPP bersama Ebit Lew menjadi sejarah terbesar UPSI dan diri ini. Aku berdiri demi NYAWA pelajar UPSI. Terima kasih buat semua yang memahami. Terima kasih kerana bersama-sama berdiri walau kita sudah tahu akan makan diri. Terima kasih kerana berani melawan arus. Terima kasih kerana berani menegakkan kebenaran. Terima kasih kerana menjadi pejuang dan pemimpin sejati! Dan hari ini baru mereka mengerti erti kebenaran, siapa yang benar siapa yang salah.

Terlalu banyak pengalaman pahit! Namun, sebagai khalifah di bumi Tuhan, pandanglah ia sebagai ujian untuk memantapkan diri. Terkadang kelu lidah untuk menceritakan pengalaman pahit ini kerana hampir semua yang dilalui ini berjaya menemui hikmah. Benar! Sabar dan ikhlas adalah kunci dalam setiap ujian. Yakinlah, Allah ya Bariq sedang merancang sesuatu yang terbaik untuk kita.

Namun satu hal yang paling ditakuti dan pahit dalam setiap langkah perjalananku ini adalah perpisahan. Berpisah dengan orang

yang disayangi. Setiap kali diri ini melambaikan tangan pada mereka-mereka yang disayangi terutamanya ibu dan ayah, setiap kali itulah pahit yang dirasai jauh dilubuk hati akan timbul.

KITA MERANCANG DENGAN CITA, ALLAH MERANCANG DENGAN CINTA

Sebelum memilih untuk menyelami bidang kepimpinan, beliau banyak merujuk ibu, ayah, keluarga, adik-beradik, kawan-kawan, guru-guru dan juga para pensyarah. Percaya adanya 'Multiple Intelligence' menjadikan beliau menerima setiap perkara baru yang diterima, pasti ada perkara yang perlu dikorbankan. Tiada istilah semakin banyak kita terima, semakin banyak masa kita. Menitik beratkan pengurusan masa sepanjang bergelumang dengan dunia kepimpinan sebagai seorang pelajar dengan mengenal diri sendiri terlebih dahulu. Untuk mengelakkan konflik diri.

Siapa yang gagal untuk merancang, dia merancang untuk gagal. Selepas kenal diri, kita perlu merancang seterusnya perlu belajar untuk berserah dan bertawakal. Sebelum memulakan kehidupan seharian, beliau akan membuat senarai semak *aitu What is going on? dan Task For Today*. Bahagian 'What is going on?' akan ditulis berkenaan dengan

janji temu, kelas, mesyuarat, perbincangan, program-program yang akan berlaku pada hari tersebut. Bahagian 'Task For Today' akan disenaraikan seperti latihan tutorial, assignment, baca buku, dan segala tugas yang perlu dilengkapkan untuk melancarkan 'What is going on?' pada hari berikutnya. Formula KERAS ini terhasil berdasarkan pengalaman beliau, Kenal diri, Rancang, dan Serah.

KE	-	Kenal diri
RA	-	Rancang
S	-	Serah

'DADIH KETAGIH' HILANGKAN TEKANAN

Tekanan yang dihadapi semasa menyertai bidang kepimpinan, dihimpit pula dengan tekanan akademik telah membawanya ke 'dunia dadih'. Akhirnya, beliau memilih untuk memasak dan memilih dadih sebagai menu pilihan hati. Dadih Ketagih ini telah melalui beberapa fasa kegagalan sebelum ianya mencapai standard kualiti seperti hari ini. Paling membanggakan, Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pun sudah merasai dadih ketagih tersebut.

Berazam untuk mengambil tanggungjawab dan menyumbang bakti kepada tanah air tercinta dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara,

seterusnya menjadi Tokoh Pendidikan Negara pada suatu hari nanti.

HIKMAH UJIAN

Nikmat yang paling berharga bagi setiap insan ialah rezeki. Contohnya, rezeki sihat yang selalu kita abaikan, dah sakit baru nak jaga kesihatan. Rezeki masa yang sentiasa kita sia-siakan, masa dah nak habis baru nak terkejar-kejar. Lagi bahaya memandu secara berbahaya. Rezeki bersama orang tersayang, ada bersama tidak dihargai, sudah pergi baru tersedar untuk ditangisi.

Setiap kali kita bertemu dengan ujian, tiga pegangan yang sentiasa dipegang selepas menjumpai hikmah ini adalah SABAR, IKHLAS dan BELAJAR. Sabar, Allah uji sebab Allah sayang. Allah nak ampun dosa-dosa kita. Ikhlas dengan ujian Allah. Walaupun sakit untuk ditelan, ambillah masa untuk menelannya. Nanti bangun semula! Belajar fahami ujian yang sedang dan telah dihadapi. Cari hikmah terhadap ujian itu. Kalau tidak, ujian yang sama akan hadir sehingga anda 'belajar'. Berdoalah pada Tuhan yang esa dengan penuh kerendahan hati. Suatu hari nanti, air mata ikhlas itu akan hadir tanpa perlu lagi diundang.

Dunia tempat berpenat,
Akhirat tempat kita
berehat. (Ahmad
Ammar).





Jatuh dan Bangkit Kembali

- Doa dari isteri menjadi asbab kejayaan - Saiful



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Menjejak kembali liku-liku kehidupan sejak kecil seawal usia lapan tahun. Selepas tamat sesi persekolahan, masanya akan dihabiskan dengan membantu emak berniaga makanan seperti keropok di tepi jalan demi mencari rezeki sehinggalah tamat sekolah menengah. Ketika itu, terdapat gerai-gerai jalanan di kawasan Tanjong Malim, namun sekarang tempat tersebut sudah dirobohkan. Lahir dalam keluarga sederhana mematangkannya hakikat kehidupan seterusnya menyemarakkan api keazaman. Pengalaman tersebut sememangnya memberi kenangan kepada Mohd Saiful Hezri bin Dollah atau

lebih dikenali sebagai Saiful.

Dilahirkan pada 18 Ogos 1980, anak jati kelahiran Tanjong Malim ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim dan menyambung pelajaran sehingga tamat Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Khir Johari.

“Sebelum bekerja di UPSI, saya berpengalaman bekerja dengan mengambil sub-kontraktor mengecat bangunan. Saya mula berkhidmat di UPSI sebagai Pembantu Tadbir Pengkeranian dan Operasi pada tahun 2000. Sehingga kini, saya telah berkhidmat di beberapa buah pusat tanggungjawab dan sekarang di Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda (JPPHB). Banyak pengalaman telah ditimba sepanjang perkhidmatan. Setiap pusat tanggungjawab lain suasananya dan semua itu mengajar saya untuk terus ikhlas dalam bekerja. Saya juga pernah dianugerahkan penghargaan daripada EDGE bagi kakitangan

dalam bidang perniagaan dan mendapat tempat kedua”.

Beliau juga aktif dalam sukan bola tampar bermula dari perkhidmatan di UPSI pada tahun 2001 sehingga diiktiraf sekaligus dianugerahkan sijil sebagai pengadil peringkat negeri. Sebelum itu, beliau juga terlibat dalam sukan hoki sekolah di peringkat menengah rendah.

KEHIDUPAN PERIBADI

Beliau yang menetap di Ketoyong, telah berkahwin dengan Nurjuana binti Mohd Yusoff dan dikurniakan seorang cahaya mata perempuan bernama Nur izzah Alia berusia sembilan tahun. Kehadiran mereka menjadi perkara paling manis dan indah sepanjang hidup beliau. Pengalaman pahit sepanjang hidup saya apabila terlibat dengan kemalangan pada usia 12 tahun semasa hendak pergi sekolah agama dan kehilangan bapa pada tahun 2002.

“Adik beradik saya ada yang terlibat secara langsung dengan dunia perniagaan seperti pengusaha bakeri, *nursery* dan *camp site*. Ada juga yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta”, katanya.

PENGUSAHA KAMBING GOLEK DAN TEXAS SMOKE

'Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang'. Untuk membina perniagaan bukanlah satu perkara mudah. Hakikatnya, jika tidak mahu mencuba atau berani menempuh cabaran, belum pasti kejayaan akan dikecapi. Itulah yang dialami oleh Saiful. Tercetus idea perusahaan kambing golek daripada perasaan ingin mencuba.

"Pada mulanya, saya hanya mengusahakan jualan kambing perap yang dikenali sebagai Texas Smoke iaitu daging kambing yang dipotong secara kepingan. Suatu hari ada pelanggan dari Ulu Yam yang menjadi orang pertama yang order kambing golek. Dalam masa menjual kambing *slice*, setiap kali pelanggan akan bertanya bila saya akan buat kambing golek. Jadi saya mencabar diri dan berusaha untuk membuat kambing golek. Dari situlah bermulanya perusahaan kambing golek. Alhamdulillah berkat kesabaran perniagaan kambing golek berjaya sehingga ke hari ini.

"Banyak cabaran yang ditempuhi semasa menjalankan perniagaan. Tak terkira! Semua perniagaan ada persaingan. Persaingan sihat bagus untuk orang yang menceburi bidang perniagaan khususnya. Apa

jua bidang semua ada persaingan. Kalau tak macam mana kita nak berjaya? Walaupun begitu, dalam perniagaan kena banyak bersabar, kreatif dan fokus," tambah beliau lagi.

"Modal bukanlah segala-galanya tetapi kalau ada ia satu bonus. Tetapi, buat masa sekarang, saya tidak mendapat bantuan kewangan dari mana-mana pihak. Saya hanya menggunakan hasil titik peluh gaji simpanan sendiri untuk perniagaan ini".

PROMOSI DARI MULUT KE MULUT

"Saya tidak menyangka perniagaan kecil-kecilan saya ini menjadi rancak dari mulut ke mulut dan kawan-kawan yang berpuas hati dengan perkhidmatannya dan akhirnya berkembang maju. Selain itu, promosi melalui rangkaian media sosial seperti *Facebook* dan aplikasi *WhatsApp* juga sangat membantu dalam mempromosikan perniagaan ini".

Perniagaan kambing golek ini hanyalah pada hujung minggu dan tidak mengganggu kerja-kerja hakiki. Sekiranya pada hari biasa saya ada team sendiri untuk membantu. Tempahan pula kebanyakannya pada hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad sahaja," ujarinya lagi.

FAKTOR PEMBAKAR SEMANGAT

Seringkali kita mendengar, 'Di sebalik kejayaan seorang lelaki, berdirinya seorang wanita di belakangnya'. Bagi Saiful, isteri merupakan tulang belakangnya yang sentiasa memberi semangat dan kekuatan untuk meneruskan dan memberi idea untuk meluaskan perniagaan mereka. Doa dari isteri menjadi asbab kejayaan dan menjadi pemangkin semangat kepadanya.

"Saya memang minat memasak daripada kecil sehingga sekolah menengah. Emak mengajar saya untuk memasak makanan sendiri. Dari situlah minat memasak dipupuk sehingga sekarang. Saya juga menghadiri kursus untuk memasak dan belajar berguru dengan chef terkemuka. Baru saya sedar, bukan senang untuk memasak. Faktor masakan menjadi sedap bukan sekadar pegang senduk dan kualiti terus menjadi! perlu diingat, bukan senang nak penuhi citarasa orang". tambah beliau lagi.

"Nasihat saya kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan, anda perlu tekad dan nekad untuk berjaya. Jangan sambal lewa sahaja hendak berniaga. Perniagaan bukanlah satu bidang yang mudah untuk dibina. Banyak cabaran yang perlu ditempuhi kerana setiap perniagaan

ada jatuh bangunnya, nak bangun perlu ada orang yang memberi semangat. Sekiranya anda tak nak hadapinya, lupakan niat untuk berniaga. Bulatkan hati tekad untuk berniaga, fikirkan perniagaan yang boleh beri manfaat dan paling penting, jangan berniaga tangkap muat. Orang nak niaga kita nak niaga,"katanya tegas.

HARAPAN DAN PERANCANGAN

Perjalanan membina perniagaan menjadi lebih mudah sekiranya melibatkan perkara yang disukai dan terus bermotivasi untuk melakukan yang terbaik dalam urusan bisnes

sekali gus memberi impak positif dalam perniagaan.

"Impian terbesar saya ialah hendak membuka sebuah restoran yang lebih fokuskan kepada produk *Texas Smoke* kerana di Tanjong Malim belum ada lagi perniagaan seperti itu. Saya hendak menjadi orang pertama menjadi pelopor dan mengembangkan perniagaan sehingga dikenali. Saya juga ingin ke Tanah Suci Mekah untuk

menunaikan haji, nak tengok hajar aswad dan Kaabah. Doakan semoga hasrat saya tercapai".

"Saya juga mendoakan semoga UPSI terus maju serta menjadi sebuah universiti yang lebih baik dan bagus di mata dunia sekaligus menjadi universiti di kedudukan terbaik dalam bidang pendidikan", katanya sebelum menamatkan perbualan.





Budak Kampung yang Berani Menceburi Bidang Sukan Golongan Elit

- Gagal menjadi pemain golf profesional, ingin bantu latih bakat baru menjadi pemain golf negara yang berjaya



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m-@upsi.edu.my

Seawal usia lima tahun Muhaiyuddin telah kehilangan kasih sayang seorang ayah yang telah meninggal dunia. Sesiapa yang mengalaminya pasti akan lebih mengerti akan keperitan hidup yang dilalui apabila mengharap hanya ibu untuk membesarkan anak-anak yang masih kecil. Pasti kehidupan menjadi sukar dan tidak sama dengan anak-anak kecil yang lain. Anak kelima daripada enam beradik ini sudah mula memahami erti tanggungjawab sejak kecil lagi untuk mencari wang bagi membantu ibu tercinta.

DUNIA KEDI

Pada usia 10 tahun Muhaiyuddin mencuba nasib menjadi seorang kedi di kelab golf yang berhampiran dengan rumahnya untuk mendapatkan wang bagi menampung sebahagian daripada kos kehidupan keluarganya. Dapatlah juga upah sebanyak RM10 jika menjadi kedi untuk satu *flight* sembilan lubang. Dalam masa yang sama, menjadi satu keinginan ingin tahu apa kelebihan beberapa senior kedi yang bekerja di situ mendapat

upah RM50 untuk 9 lubang yang sama. Keinginan ingin tahu ini semata-mata ingin meningkatkan hasil pendapatan melalui upah yang diperoleh. Akhirnya melalui pemerhatian dan pertanyaan nilai kedi akan bertambah upahnya sekiranya mempunyai lebih pengetahuan berkaitan dunia golf seperti *iron* yang sesuai digunakan mengikut jarak, undang-undang dan peraturan dan lain-lain lagi. Di sinilah bermulanya bagaimana beliau terlibat dalam dunia sukan golf. Asalnya bukan sebab minat apatah lagi sukan ini merupakan sukan yang dimainkan oleh golongan elit pada masa tersebut. Walaupun hanya kedi tetapi persaingan sesama mereka amat tinggi untuk dipilih sebagai kedi menyebabkan Muhaiyuddin bertekad untuk menimba sebanyak ilmu berkaitan golf. Pada masa itu dia bersama seorang lagi kawan baik dari kampung yang sama iaitu Shaaban Hussin yang akhirnya berjaya menjadi jaguh sukan golf negara sehingga hampir menyertai sukan Olimpik di Brazil untuk negara seandainya tidak mengalami kecelakaan jalan raya yang menyebabkan beliau lumpuh hampir separuh badan sekali gus menguburkan impian kawan

karibnya itu menjadi pemain golf profesional negara.

Kemahiran golf dimulai dengan atihan secara curi-curi menggunakan set golf majikan semasa menjadi kedi hinggakan sering dimarahi dan diherdik dengan majikannya. Ini kerana kesempitan hidupnya tidak mampu untuk beliau membeli set golfnya sendiri. Namun itu tidak mematahkan semangatnya. Sehingga pada usia 14 tahun Muhaiyuddin mula menyertai pertandingan melalui platform *tournament* Caddy Master yang dianjurkan setiap tahun. Di sinilah beliau menunjukkan bakat bersama Shaaban Hussin dan berjaya menduduki tempat kedua, kedudukan yang tertinggi antara kedi yang menyertainya.

PEMILIHAN ATLET SUKMA NEGERI KEDAH

Pada usia 16 iaitu sekitar 1996 pada masa itu pemilihan pemain Sukma bagi mewakili negeri Kedah telah dilakukan hampir dua tahun. Beliau dan Shaaban Hussin melepasi beberapa tapisan beberapa peringkat hingga ke kelompok kecil seramai 20 orang dan akhirnya terpilih dalam empat pemain yang akan mewakili negeri

Kedah. Tapi malangnya pada saat akhir nama beliau digugurkan atas alasan yang sangat tidak diterima oleh dirinya. Ini mengakibatkan beliau sangat kecewa dan terus ke Club Golf Selangor yang merupakan lokasi acara golf Sukma Selangor 1998 akan berlangsung, di situ beliau bekerja sebagai *marshal golf* selama setahun. Pada usia yang masih mentah dan darah muda, hanya disebabkan tidak diberikan cuti hari raya beliau bekerja semula di salah sebuah kelab golf di Kedah juga sebagai marshal golf. Pada waktu tersebut kehidupannya sedikit mewah kerana diberikan gaji yang agak lumayan sekitar dua ribu lebih sebulan. Di sini juga beliau menyertai banyak kejohanan dan juga dalam masa yang sama melalui pengalaman yang sangat pahit kerana dituduh mencuri duit salah seorang Dato' semasa bertugas sebagai kedi. Pada masa itu beliau hampir ditangkap oleh polis dan tiada satu pun kawan yang mempercayainya sambil dihina oleh Dato' tersebut. Dengan kuasa Allah, duit yang dikatakan hilang itu sebenarnya tidak hilang, dijumpai dan terselit dalam celahan ruang di beg set golf milik Dato' tersebut. Kejadian seperti ini yang menjadikan Muhaiyuddin semakin kebal dan kalis hinaan dan menjadi pembakar semangat untuknya terus berjaya dalam kehidupan dan sukan yang sudah semakin diminatinya ini walaupun bermula dengan secara tidak sengaja.

Sepanjang penglibatan dalam sukan golf, beliau pernah digantung selama enam bulan dan tidak dibenarkan bermain golf. Ini kerana beliau melanggar beberapa peraturan seperti bermain menggunakan set golf ada campuran dengan besi pagar rumah yang diubah menjadi seperti *iron* dan di balut kain pelikat sebagai gerip dan tidak mempunyai putter.

Sebagai inisiatif menggunakan kayu bagi menggantikan *putter*, tindakan ini dikesan oleh kedi master.

KERJAYA DI UPSI

Semasa Prof. Dr. Md Noor Salleh menyandang jawatan sebagai Naib Canselor UPSI, beliau merancang untuk membawa beberapa pemain golf ke UPSI agar dikenali sebagai salah satu universiti yang hebat dalam acara golf dan seterusnya menaikkan nama UPSI. Muhaiyuddin dan tiga lagi kawannya telah dipanggil bekerja. Bagi menjadikannya ia berlaku, mereka berempat ditawarkan jawatan sebagai Pembantu Am Pejabat. Pada mulanya Muhaiyuddin agak berat hati untuk menerima jawatan ini kerana gaji yang ditawarkan di UPSI jauh lebih rendah berbanding jawatan semasa yang disandangnya. Tetapi bagi memenuhi hasrat ibunya yang pernah berkata, jika tidak berjaya belajar ke universiti, bekerja di universiti pun sudah memadai dan menggembirakan hati ibunya, menyebabkan Muhaiyuddin akhirnya menerima tawaran oleh Prof. Dr. Md Noor Salleh.

Awal ketibaan sangat perit yang dilaluinya hingga pernah hampir terputus sumber kewangan untuk membeli makanan. Pernah beliau hanya makan jambu batu yang pokoknya terletak di Tangki Air, KSAJ sekarang ini. Pada masa itu anggota keselamatan, abang Shamsul yang memegang kad staf K0001 merupakan salah seorang yang pernah memberinya makan. Hingga saat ini Muhaiyuddin akan mengenang jasa abang Shamsul dan menyimpan pengalaman ini sebagai sejarah dalam hidupnya. Pernah juga ke kedai minum beliau tiada duit di dompet,





PENCAPAIAN MOHD MUHAIYUDDIN MOHD ZAID DALAM ACARA GOLF

BIL	KEJOHANAN	PENCAPAIAN
1	Remaja Kedah 1996	Juara
2	SUKANUN berpasukan 2013	Perak
3	IPTA tahun 2000	No. 6
4	SUKUM berpasukan 2018	Emas
5	IPTA tahun 2010	Naib Juara
6	Piala Ketua Menteri Melaka 2016	Juara
7	Piala TYT Melaka 2015	Juara
8	IPTA Berpasukan Keseluruhan 2003	Juara
9	MAKSAK Perak 2017	Juara
10	Kiesta 2019 Individu	Juara
11	Kejohanan Golf Universiti Thailand vs Malaysia	No. 3
12	Kejohanan Jemputan UPSI-KPT 2022	Juara
13	Selangor Open 2017	No. 7
14	Timbang Bola World Championship CIMB Classic -1633	Juara
15	Menang pukulan paling jauh	150 kali
16	Stroke paling jauh	320km
17	<i>Hole in one</i>	2 kali
18	Catat <i>Eagle</i>	30 kali
19	Score paling rendah	68
20	Handicap	0

Menyelusuri Seri Gading

Terpintal awan biru
meliputi air jernih
di kaki Titiwangsa.

Batu-batuan menjadi saksi
tarian tengas dan kelah
di celah-celah alunan pusaran.

Tersingkap hati kecil anak desa
seakan ingin turut serta
mendendang alunan sukma
merawat hati yang rawan.

Hilirmu menanti anak-anak Muallim
bakal menjernihkan hati anak bangsa
sejernih aliran Seri Gading.

Doaku agar tiada tangan-tangan usang
rakus mengoyak keindahan
wujud atas keizinan tuhan.

*Fisol Ahmad
5.05 pagi*



UPSI
No.1
PENDIDIKAN



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيزرستي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 4/2021 BIL. 14 ■

Inspirasi